

28 MAR 1996

Mahathir-UMNO

MAHATHIR KECEWA DENGAN TINDAKAN ADUN KEDAH

Oleh: Syed Jamil Jaafar

AUCKLAND, 28 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kecewa dengan tindakan 22 ADUN Umno Kedah yang mengetepikan saluran parti dan sebaliknya mendapatkan publisiti untuk mengutarakan pendapat mereka berhubung masalah dalaman parti.

Dr Mahathir berkata hari ini terdapat saluran bagi mereka menyampaikan pendapat dan beliau sendiri bersedia untuk mendengar apa-apa pandangan sebelum membuat sebarang keputusan.

Beliau berkata demikian kepada wartawan Malaysia di sini apabila ditanya mengenai tindakan 22 anggota Dewan Undangan Negeri Kedah dari Umno yang telah menandatangani satu memorandum yang ditujukan kepadanya Ahad lepas mendesak supaya Tan Sri Osman Aroff dikekalkan sebagai Menteri Besar.

Tindakan ADUN itu mendapat publisiti meluas pada hari keesokannya, hari Dr Mahathir berlepas ke Wellington untuk lawatan rasmi empat hari ke New

"Biasanya pemilihan Menteri Besar adalah hak ketua parti dan saya adalah ketua parti," kata Dr Mahathir yang juga Presiden Umno.

"Walaupun demikian kalau ada orang hendak beri pandangan, mereka bebas memberi pandangan...hanya yang mengecewakan saya sedikit ialah publisiti yang dibuat sebelum pun saya menerima memorandum berkenaan."

Kata beliau perkara yang ditimbulkan ADUN Kedah itu sebenarnya boleh dirujuk kepada Majlis Tertinggi dan kepada beliau sendiri.

Ia merupakan masalah parti yang tidak perlu dibincang di luar, kata beliau.

Apabila ditanya sama ada terdapat sebarang surat atau arahan kepada Osman supaya berundur sebagai Menteri Besar, Dr Mahathir berkata mungkin kalangan ADUN terbabit ada dengar-dengar mengenai perkara itu.

"Tentulah (mereka) mungkin ada dengar...adalah kot...kalau tidak takkanlah dia buat perkara ini," kata beliau sambil ketawa.

Ketika mengulas kenyataan Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Anwar Ibrahim bahawa tindakan ADUN-ADUN itu tidak boleh dipandang ringan, beliau berkata:

"Ya, saya tak pandang ringan tetapi adalah cara-caranya..."

Ditanya mengenai kemungkinan ADUN-ADUN terbabit dikenakan tindakan disiplin parti, beliau berkata sukar baginya mengulas kerana tidak ada peruntukan khusus dalam perlembagaan parti mengenai perkara ini.

"Tetapi dalam parti kita, kita beri juga kebebasan untuk menyuarakan pendapat, cuma gunakanlah saluran-saluran."

-- BERNAMA

SJ NMO